

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : BUKAN LISAN  
**DARIPADA** : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[TASEK GELUGOR]

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mewujudkan suatu akta bagi memelihara kedaulatan Jalur Gemilang agar tidak dipermainkan begitu sahaja oleh sesetengah pihak dan apakah langkah Kerajaan untuk menggalakkan setiap rakyat berasa bangga mengibarkan Jalur Gemilang selain dari bulan kemerdekaan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memelihara kedaulatan Jalur Gemilang, pihak Kerajaan melalui Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 dan (Pindaan) 2017 telah memperuntukkan berkenaan larangan penggunaan tidak wajar berkaitan lambang termasuk Jalur Gemilang. Mana-mana pihak yang melanggar seksyen 3 akta berkenaan dan disabitkan kesalahan boleh didenda sebanyak tidak lebih ringgit Malaysia dua puluh ribu (RM20,000.00) atau dipenjarakan tidak lebih tiga (3) tahun atau kedua-duanya.
2. Langkah Kerajaan untuk menggalakkan setiap rakyat berasa bangga mengibarkan Jalur Gemilang selain dari bulan kemerdekaan adalah seperti berikut :

- i. Peranan utama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) adalah sebagai medium penyampaian dasar-dasar dan program Kerajaan kepada rakyat di pelbagai peringkat dan latar belakang. Selain dari itu, semua program yang dikelola oleh JaPen adalah berobjektifkan kepada pemupukan semangat cintakan negara dan perpaduan antara kaum serta masyarakat.
  - ii. Dalam menuju ke arah itu, aspek menghormati dan mengibar jalur gemilang dengan penuh perasaan bangga perlulah sentiasa diberi perhatian utama. Ini dilaksanakan melalui kaedah pemakluman secara berterusan.
3. Selain itu, JaPen juga telah membuat infografik dan menerbitkan video mengenai Jalur Gemilang. Antara tajuk infografik adalah:
- i. Sejarah Jalur Gemilang,
  - ii. Tahukah Anda? Asal Usul Bendera Malaysia,
  - iii. Fakta Jalur Gemilang,
  - iv. Tatacara Pemasangan Jalur Gemilang Yang Betul,
  - v. Susunan Bendera Dalam Perarakan,
  - vi. Cara Menghormati Bendera,
  - vii. Hormati Jalur Gemilang,
  - viii. Masa Pemasangan Bendera,
  - ix. Ukuran Dan Jenis Bendera,
  - x. Hari Pemasangan Bendera,
  - xi. Pemasangan Bendera Pada Kenderaan, dan
  - xii. Hak Mengibarkan Bendera.

Manakala, tajuk video yang diterbitkan adalah seperti berikut:

- i. Panduan Pemasangan Jalur Gemilang (boleh dimuat turun di portal JaPen)
- ii. Jalur Gemilang Kebanggaan Negara

4. JaPen juga mempunyai program yang disusun khas bagi program bulan kebangsaan dan kempen kibar jalur gemilang yang dilaksanakan setiap tahun daripada bulan Julai hingga September, ke arah menyemarakkan semangat cintakan negara dan membangkitkan semangat kibar jalur gemilang.
5. Selain daripada 243 program yang telah disusun dalam bulan kebangsaan, JaPen juga menganjurkan pelbagai program-program utama untuk memupuk semangat cintakan negara, perpaduan dan pembinaan jati diri dalam pelbagai program lain berterusan sepanjang tahun. Antara program-program utama mengikut kumpulan sasar adalah seperti:

**a. Kelab Malaysiaku (Pelajar Sekolah: 15 - 18 Tahun)**

- i. Amalan Demokrasi Berparlimen
- ii. Kembara Kelab Malaysiaku
- iii. Wacana Kemerdekaan
- iv. Kem Aspirasi Pelajar
- v. Rukun Negara (Negeri)
- vi. Sketsa Rukun Negara (Kebangsaan)

**b. Pewaris Muda (Pelajar IPTA/IPTS: 19-25 Tahun)**

- i. Pewaris Muda (Negeri)
- ii. Apa Kata Anak Malaysia
- iii. Diskusi Raja Berpelembagaan
- iv. Sepakat Komuniti Peringkat Komuniti
- v. Sepakat Komuniti Peringkat Daerah
- vi. Sepakat Komuniti Peringkat Negeri

**c. Komuniti Harapan Malaysia (KHM)**

Gerakan sukarela komuniti di peringkat daerah dan parlimen melalui KHM. Pelbagai aktiviti pemasaran maklumat, semangat perpaduan dan cintakan negara dilaksanakan atas inisiatif komuniti itu sendiri dengan kerjasama JaPen.

**d. Kembara Media**

Bertujuan menyebarkan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di samping menekankan aspek-aspek nasionalisme seperti pembuatan barang Malaysia, *domestic tourism* dan lain-lain.

6. Bagi tahun 2019, JaPen telah melaksanakan sebanyak 65,269 program termasuk:

**i. Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan**

Pertandingan yang merupakan program tahunan JaPen sejak tahun 2010 bertujuan memupuk semangat patriotik dan cintakan Negara di samping meningkatkan kesedaran dan penghayatan kemerdekaan sama ada secara individu ataupun organisasi melalui cetusan kreativiti dalam menyampaikan informasi kenegaraan. Fokus utama pengajuran pertandingan adalah untuk memberi pengiktirafan serta penghormatan kepada rakyat Malaysia melalui suasana keceriaan dan cetusan kreativiti pengibaran Jalur Gemilang di kawasan kampung, bangunan serta premis masing-masing dalam usaha menggelorakan semangat patriotik secara holistik dan bersepakut. Dengan adanya pertandingan seperti ini diharap dalam menyemarakkan semangat mengibar jalur gemilang di kalangan rakyat Malaysia.

**ii. Kembara Merdeka Jalur Gemilang**

Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang merupakan aktiviti tahunan Jabatan Penerangan Malaysia. Program ini bertujuan menggalakkan orang ramai dan pelbagai agensi untuk mengibarkan jalur gemilang sama ada di kenderaan, rumah, bangunan kerajaan dan premis-premis perniagaan. Program ini diharap dapat meningkatkan semangat rakyat Malaysia untuk mengibarkan jalur gemilang bukan sahaja semasa bulan kebangsaan tetapi sepanjang tahun.

**iii. Pameran Bersepadu**

Kempen kibar jalur gemilang dipergiatkan ke peringkat akar umbi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat melalui pameran-pameran kenegaraan dan patriotik secara bersemuka bersama rakyat di seluruh negara.

**iv. Merdeka@Komuniti**

Merdeka@Komuniti merupakan salah satu program sambutan Bulan Kebangsaan. Objektif program ini adalah bagi menyuntik kesedaran awal kepada rakyat mengenai sambutan Bulan Kebangsaan, meningkatkan dan menggelorakan semangat patriotik dan cintakan negara secara menyeluruh melalui gerakan Muafakat Komuniti Malaysia di seluruh negara melalui akar umbi serta penglibatan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah pemasangan bendera, penyampaian jalur gemilang, Bicara Tokoh, Ambang Merdeka, Tayangan Layar Bestari dan aktiviti rekreasi agar rakyat dapat sama-sama memeriahkan dan menggelorakan sambutan bulan kebangsaan pada setiap tahun.

Sekian, terima kasih.